

Syor ambil air bawah tanah

» Kementerian bakal bincang dengan MB Selangor pastikan krisis air tidak berulang

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memberi cadangan pengambiliran air bawah tanah sebagai sumber air alternatif dan sistem penuaian hujan kepada Kerajaan PKR Selangor bagi menyelesaikan krisis air di neger itu.

Menterinya, Datuk Seri G Palanivel berkata, pihaknya akan berbincang dengan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini secara mendalam bagi memastikan krisis air



Palanivel (enam dari kiri) dan Iain Lo (lima dari kiri) bergambar bersama penerima geran pada **Majlis Penyampaian Anugerah Geran Pembangunan Lestari Shell** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

tidak berulang pada masa hadapan.

“Menerusi kajian dijalankan jabatan di bawah kementerian ini mendapati banyak sumber air bawah tanah yang berpotensi dan boleh dimanfaatkan, namun

pelaksanaannya adalah di bawah kawalan kerajaan negeri.

“Sebab itu kita merasakan perlunya persefahaman dalam perkara ini dan kita mengambil inisiatif untuk mengadakan pertemuan dengan beliau (Abdul

Khalid) demi kepentingan rakyat,” katanya kepada media selepas Majlis Penyampaian Anugerah Geran Pembangunan Lestari Shell di sini, semalam.

Palanivel berkata, selain memanfaatkan sumber air bawah

tanah, negara ini perlu mempelajari kejayaan sistem penuaian hujan dan kitar semula air hujan yang dilaksanakan di negara seperti Australia.

Manfaatkan air hujan

“Penadahan air hujan, pengumpulan dan penggunaan semula air hujan serta melencongkan air sungai ke kolam berdekatan adalah antara kaedah penting yang perlu diberi fokus bagi memastikan negara tidak menghadapi krisis air pada masa hadapan.

“Bagaimanapun, ketika ini Malaysia tidak memanfaatkan sumber alam itu secara optimum walaupun menerima taburan hujan yang tinggi setiap tahun.

“Kawasan perumahan juga perlu dilengkapi dengan sistem penuaian air hujan bagi mengurangkan penggunaan air dirawat,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan menimbang untuk menanggung sebahagian kos pemasangan sistem itu, selain meminta pihak industri untuk bekerjasama sekiranya sistem berkenaan diwujudkan.

“Kita perlu memberi tumpuan kepada menjimatkan air, menyimpan air, menyalurkan air sungai ke kolam berdekatan, dan bukannya membazirkan,” katanya.